

## Usahasama Kuwait Malaysia cerah

**KUALA LUMPUR, Jumaat.** — Misi pelaburan 14 orang dari Kuwait hari ini menyatakan minat kemungkinan mengadakan usahasama di Malaysia.

Kumpulan tersebut tiba di sini semalam dalam rangka kunjungan awal bertujuan meninjau iklim pelaburan dan peluang perniagaan di sini.

Diketuai oleh Encik Khalid Yusuf-Al-Marzouk, Pengerusi Syarikat Pelaburan Pearl dan Syarikat Harta Kuwait, kumpulan tersebut menghadiri mesyuarat pertama dengan Dewan Perniagaan Antarabangsa Malaysia.

Pengarah Kerja DPAM, Encik D. C. L. Wilson berkata, mereka diberi taklimat mengenai kestabilan dan keadaan Malaysia dan peluang-peluang pelaburan dalam bidang industri dan sumber tempatan.

Pelawat-pelawat itu menaruh minat di bidang pelaburan kewangan, perumahan dan pembinaan. Mereka tidak membincangkan projek tertentu yang dijangka menyusul kemudian.

Mereka akan mengunjungi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Isnin ini.